


# Pekerja Teras Transformasi Negara

**Aktiviti MTUC : Jamuan Jawatankuasa Belia MTUC, 27 Feb 2013  
Sambutan Hari Wanita, Mac 9 2013 Dewan Kristal, TM Convention  
center, Menara Telekom Bangsar**



## GOVERNMENT'S U TURN ON LEVY A GREAT INJUSTICE AGAINST MIGRANT WORKERS

Government's sudden reversal of its policy requiring employee's to pay the annual foreign worker levy is a great injustice against Migrant Workers.

In 2009, Government deliberately imposed the burden of levy payment on Employers as a measure to reduce dependence on Migrant Workers. In many work places, today, as many as 75% of the workforce consist of migrant workers. At every stage of deliberation, the National Wages Council and the Cabinet intentionally decided that the new Minimum Wages shall be applicable to all workers including the 2 million Migrant Workers, so as to demonstrate to the World that Malaysia do not practice discrimination against Migrant Workers.

The New Minimum Wage rate does not apply to domestic workers. Does the new ruling on levy apply to them as well?

Human Resources Minister and the Ministry had proudly declared to the ILO that all Labour Legislations and legal safeguards in Malaysia applies to all workers irrespective of their country of origin.

Therefore Government's reversal of its progressive policy is shocking and shameful.

To make matters worse, MCA President Dr Chua Soi Lek has demanded that in addition to the levy payment, migrant workers should also be deprived of accommodation and transport facilities. If Government heed this call, Migrant Workers will be worse off under the new Minimum Wage regime.

This new policy shows that Government's declaration that they are keen to reduce dependency on Migrant Workers, is hollow and most insincere. MTUC will submit an official complaint to the ILO on this matter.

The practice of requiring employers to pay levy on Migrant Workers is not unusual. In our neighbouring country Singapore, not only the quantum of levy is higher, but the burden of payment is imposed on employers.

DON'T VOTE FOR MCA candidates if they are not Worker Friendly.

**Abdul Halim Mansor  
Secretary General**



# GAJI MINIMA tidak DITEPATI

Lebih 200 pekerja ladang di Triang 2, kesal apabila menerima pendapatan bersih antara RM300 hingga RM600 bagi Januari lalu, selepas pihak pengurusan menyelaraskan semua elauan sebagai gaji pokok mereka.

Ia berikutan pihak pengurusan Felda Plantation Sdn Bhd Triang 2 menyahut saranan Perdana Menteri supaya memberikan gaji minima RM900 sebulan. Seorang pekerja, Mohd Yusof Ibrahim, 45, berkata, pihak pengurusan tidak pernah menerangkan mengenai perubahan pada gaji sehingga mereka terkejut melihat agihan gaji dalam slip gaji mereka.

Menurutnya, hampir semua elauan atau insentif yang diterima pekerja dimasukkan dalam gaji pokok menyebabkan gaji mereka berkurangan lebih separuh daripada biasa.

"Sebelum ini, kami dapat insentif khas sebanyak RM200, insentif kehadiran (RM85) dan elauan minyak motor (RM3 sehari) tetapi sekarang semua itu dimasukkan ke dalam gaji pokok.

"Jadi, kalau dah buat itu semata-mata untuk menjadikan gaji minima kami RM900, itu memang tidak wajar.

Memang kami tidak puas hati," katanya semasa ditemui pada perhimpunan memprotes tindakan majikan menafikan hak mereka.

Sebelum ini katanya, upah bagi menuai buah sawit dikira 50 sen per tandan tetapi sistem itu diubah kepada per tan menyebabkan upah bagi setandan yang diperoleh tidak sampai 50 sen.

Mohd Yusof berkata, keadaan ini benar-benar mengelirukan pekerja malah ada yang beranggapan, pihak pengurusan sengaja mahu menipu pekerja kerana kejadian sama pernah berlaku dua kali sebelum ini.

## Tidak faham teknik pengiraan

Sementara itu Rohaya Ismail, 46, berkata, keadaan ini turut berlaku kepada pekerja wanita yang mengutip biji lerai.

Menurutnya, sehingga kini, mereka masih tidak faham dengan teknik pengiraan gaji baru mereka kerana

tiada penerangan diberikan.

"Kalau diikutkan, majikan kena bayar baki lebih RM500 setiap pekerja berikutan rombakan gaji yang mengelirukan itu.

"Dengan baki gaji bersih yang kami terima, apa yang termampu kami lakukan? Anak-anak masih kecil dan bersekolah, barang keperluan pula semuanya mahal sekarang ini. Ini penganiayaan kepada kami," katanya. Rohaya berkata, sepatutnya setelah lebih 10 tahun berkhidmat sebagai pekerja ladang di sini, mereka layak mendapat kenaikan gaji dari tahun ke tahun dan bukannya pengurangan gaji.

Sementara itu, Ishak Chik, 46, mahu majikan lebih telus mengenai perkara ini.

"Selalunya saya dapat antara RM800 hingga RM1,500, tetapi bulan lepas saya hanya dapat RM400.

"Saya faham kalau majikan tolak gaji masa saya bercuti tetapi saya ada juga buat kerja tambahan lain seperti cuci longkang seperti mana saya buat sebelum ini yang mempunyai elauan bagi kerja itu," katanya.

## Janji teliti dokumen semula

Dalam pada itu, Pengurus Besar Wilayah, Felda Global Ventures Plantations (M) Sdn Bhd, Mohd Anuar Johari, memberi jaminan akan meneliti dan menyiasat kedudukan gaji mereka.

Menurutnya, berdasarkan pelaksanaan gaji minima itu, pekerja sepatutnya menerima gaji lebih tinggi daripada sebelumnya dan bukannya semakin berkurangan.

"Secara asasnya, gaji sekarang yang diterima mestinya lebih dari sebelum ini dan sekiranya berlaku sebaliknya, saya percaya ada kesilapan yang berlaku.

"Jadi, saya sendiri akan meneliti semua dokumen berkaitan. Kalau benar ada kesilapan, kita akan bayar semula baki gaji pekerja terbabit," katanya.

<http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/kesal-gaji-baru-makin-kurang-1.129411>





# Hak Pekerja Asing dilemma



Seramai 33 pekerja Nepal telah ditamatkan kerja tanpa sebarang pampasan oleh syarikat elektronik yang berlokasi di Shah Alam. Pekerja-pekerja ini juga tidak dibayar gaji sejak Disember 2012. Dalam pada

meminta bantuan MTUC, kesemua pekerja-pekerja ini telah berhimpun di MTUC Subang Jaya dalam persidangan media yang diadakan bagi meluahkan permasalahan mereka dan seterusnya menuntut keadilan kepada mereka.

Presiden MTUC, Mohd Khalid Atan dalam kenyataan menyatakan kekesalan terhadap apa yang telah berlaku dan menuntut supaya keadilan yang saksama diberikan kepada pekerja-pekerja. Kata beliau semua pekerja tidak kira pekerja asing mahupun tempatan mempunyai hak yang sama iaitu "*Universal right*", malah mereka mempunyai hak yang sama mengikut undang-undang serta perjanjian bersama(*collective agreement*). Mereka tidak boleh diperlakukan seperti ini, katanya.

Majikan pekerja-pekerja ini Ontime Performance Sdn Bhd yang berlokasi di Wangsa Setia Kuala Lumpur (sebuah syarikat outsourcing) telah menyumber keluar pekerja-pekerja Nepali kepada syarikat Vista Point Technologies Sdn Bhd (Flextronics) di Shah Alam telah memberi notis pemberhentian kepada pekerja-pekerja ini pada 27hb Disember 2012 kata Moses Singam, Penyelia Projek Pekerja Asing MTUC.

Pekerja-pekerja ini dengan bantuan MTUC telah mengfaillkan kes di



perhubungan Perusahaan Shah Alam pada 18hb Februari 2013 atas pertikaian tidak dibayar gaji dan dihentikan kerja tanpa alasan yang munasabah malah telah membuat laporan polis pada 1hb Februari 2013. Kini pekerja-pekerja ini telah dihalau dari hostel.

Sdra. Khalid Atan men persoalkan , ke mana mereka hendak pergi dan makan apa, sekiranya gaji tidak dibayar? malah katanya kini majikan mengarah pekerja-pekerja ini pulang ke negara asal dengan kosnya dibayai oleh pekerja-pekerja itu sendiri, adakah ini mustahil, tambah beliau.

Pekerja-pekerja ini hanya dibayar RM546 sebulan dan kini gaji tersebut telah ditahan sejak 2 bulan. Khalid berpendirian bahawa gaji minima harus diberikan kepada pekerja asing tanpa melakukan sebarang potongan eluan dan levi harus di tanggung oleh majikan, katanya.

Mengikut Moses Singam, majikan harus memberi penjelasan gaji mereka dan menyatakan dengan jelas jenis pemotongan yang dilakukan, kerana pekerja-pekerja ini tidak mengetahui langsung kenapa majikan melakukan pelbagai pemotongan tanpa dimaklumkan

dan MTUC menghadapi kesukaran menuntut keadilan kerana tiada bukti yang sah untuk ditunjukkan pada pihak tertentu apabila ingin menuntut keadilan dari majikan yang tidak bertanggungjawab ini, katanya.

Sehabis persidangan media pekerja-pekerja Nepali ini enggan pulang ke tempat kediaman kerana tiada wang untuk membeli makanan, tiada kerja dan telah dihalau dari tempat kediaman(hostel).

## Gov't to review minimum wage for foreign workers

Following strong protests from the private sector, the cabinet has directed Human Resources Minister S Subramaniam to review the policy of allowing foreign workers to enjoy the same minimum wage as Malaysians, and come out with a new solution within this month.

This was frontpaged by Chinese daily Oriental Daily News quoting anonymous sources. The daily reported that the inclusion of foreign workers in the minimum wage policy implemented on Jan 1 has brought huge and pervasive impacts to all industries. Hence, the cabinet, in its meeting yesterday, has discussed the problems prompted by the new policy and wanted the Human Resources Ministry to come out with a final solution before next month.

According to Oriental Daily News, many small and medium companies are against the policy, claiming that it will affect the bonus, welfare and allowance of their employees. The Malaysian Knitting Manufacturers Association has pointed out that employers need to bear the extra expenses of some RM3,500 for every foreign worker, including levy, hostel fee, utilities fee, air-fare, medical examination and insurance.

The association claimed that the policy only benefits 10 percent of local workers while all foreign workers can enjoy it, resulting in the outflow of

RM21 billion to their home countries. Many industrial associations and guilds demanded that the government allow them to incorporate those extra expenses into the minimum wage for foreign workers. The same view was shared by MCA president Dr Chua Soi Lek who said on Tuesday that the four MCA ministers will raise the suggestion to review the policy at the cabinet meeting. The party suggested transferring the cost of levy to foreign workers themselves, and include transportation, food and accommodation allowance into the minimum wage.

It is said that foreign workers' salary will raise by RM200 to RM300 under the new policy, a burden to many employers. The Federation of Malaysian Foundry & Engineering Industries Association has informed its members to postpone the implementation of the new policy until the government comes out with the new decision. Small-Medium Industries (SMI) Association Malaysia president Teh Kee Sin told urged the government to hold a dialogue with the employers to clarify the allowances that can be included into the minimum wage. He told the daily that the association's members are confused as relevant government agencies have failed to provide a clear guideline on the new policy. "We hope the officers can sit down and discuss with the employers and clarify several details," he was quoted as saying.

Source: Malaysiakini, 11 Jan 2013



# 100 Pekerja Protes Setelah Diberhentikan Kerja

**Adakan protes aman bantah tindakan majikan tamatkan perkhidmatan mereka tanpa alasan munasabah**

Kira-kira 100 orang bekas pekerja di salah sebuah syarikat kontraktor di Taman Perindustrian Samalaju (SIP) di sini, pagi semalam mengadakan protes secara aman bagi membantah tindakan majikan menamatkan perkhidmatan mereka tanpa alasan yang munasabah.

Menurut sumber, bekas pekerja terbabit merupakan warga tempatan yang perkhidmatan mereka dihentikan tanpa notis oleh syarikat kontraktor terbabit.

Mereka mengadakan protes di hadapan jalan masuk utama menuju ke tapak projek di SIP bermula seawal jam 5.30 pagi.

Dalam pada itu, rata-rata bekas pekerja itu mendakwa bahawa perkhidmatan mereka ditamatkan kerana digantikan dengan pekerja asing yang diambil bekerja oleh syarikat kontraktor terbabit.

Pada masa sama, para pekerja turut melahirkan kesal terhadap bekas majikan mereka yang tidak mengambil berat soal kebijakan pekerja tempatan selain tidak diberikan faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan masa-lah gaji hari yang diterima dipotong dari RM18 seharian hingga ke RM8 seharian (paling rendah).

Ketua Polis Daerah Bintulu Superitenden Madang Usat bersama 20 anggotanya telah tiba di lo-

kasi kejadian sekitar jam 8.30 pagi bagi memastikan tidak berlaku sebarang kejadian tidak diingini.

Ketika ditemui, Madang berkata pihaknya akan terus melakukan pemantauan serta berkawal di lokasi kejadian bagi memastikan tiada berlaku rusuhan dan sekatan sebagaimana yang berlaku sebelum ini bagi memudahkan pergerakan pekerja sama ada yang ingin menuju ke SIP atau dari SIP menuju ke bandar Bintulu.

"Apa yang pasti, kami akan memastikan keadaan di sini berada dalam keadaan terkawal dan akan mengerahkan lebih ramai anggota memantau keadaan sekiranya perlu berbuat demikian," katanya.

Madang memberikan jaminan bahawa keadaan adalah terkawal dan tiada kejadian tidak diingini berlaku memandangkan semua pekerja terbabit melakukan protes secara aman. Ahli Dewan

Negara Senator Pau Chiong Ung yang ditemui melahirkan kekecwaan terhadap sikap majikan yang tidak berada di situ ketika para pekerja menuntut hak serta ingin berbincang dengan mereka akan permasalahan yang melanda.

"Sepatutnya pihak pengurusan syarikat kontraktor terbabit bersedia membantu serta berbincang secara baik dengan para pekerja di bawah kendalian mereka dalam setiap isu yang melanda bagi mengelakkan kejadian sebegini daripada berlaku," katanya.

Sumber : Borneo Post, 29 Jan 2013



Pau berbincang dengan bekas pekerja yang melakukan protes secara aman di jalan masuk ke SIP di Bintulu semalam. Turut bersama Madang (tengah) yang bergegas ke tempat kejadian bagi memantau keadaan.

## One-year minimum wage deferment for rocky SMEs

The cabinet has decided that small- and medium-enterprises (SMEs) which employ foreign workers and cannot afford to implement the minimum wage will be able to apply for a one-year deferment. The decision, seen as another compromise by the government after a series of protests by SMEs nationwide, was front-paged by both *Sinchew Daily* and *Nanyang Siang Pau*, which quoted sources.

The compromise, however, was not welcomed by the **Malaysian Trades Union Congress** (MTUC) and **other groups** which represented workers, urging the government not to budge on the policy. Yesterday, the National Wage Consultative Council - an advisory group to the government on the policy - urged employers in the small and medium industries, who cannot afford to pay the minimum wage to their employees, to apply for a deferment of the Minimum Wage Order 2012.. *Malaysiakini*, 21 Feb 2013



# ISU-ISU Semasa-Gaji minima tidak ditepati

## Pekerja kilang mogok kerana masalah gaji minima

Kira-kira 500 pekerja kilang pengeluar komponen komputer Kawasan Perindustrian Senai di sini melancarkan mogok mengenai isu penyelarasan gaji asas minimum RM900 yang ditetapkan kerajaan awal Januari lalu kerana mendakwa ia diputarbelikan pihak syarikat.

Salah seorang pekerja, Suzana Ismail, 41, berkata, pihak pengurusan mengeluarkan notis bertarikh 10 Januari lalu bahawa kilang itu akan melaksanakan penyelarasan gaji minimum sebanyak RM900 bermula 1 Januari lalu.

Bagaimanapun katanya, penyelarasan gaji tidak dilaksanakan sebaliknya gaji yang diterima pekerja bagi bulan Januari berkurangan. "Sebelum penyelarasan gaji dilaksanakan kami mampu meraih pendapatan melebihi RM1,500 termasuk bayaran kerja lebih masa.

"Tetapi selepas penyelarasan dibuat, gaji tetap kami bukan sahaja tidak dinaikkan kepada RM900 malah terdapat pelbagai potongan dilakukan," katanya.

Lebih mengejekan, elaun kerja lebih masa dipotong bagi menampung jumlah jam bekerja yang ditukar dari 44 jam kepada 48 jam seminggu tanpa notis awal.

"Kami bertanya mengapa bayaran kerja lebih masa dipotong, mereka memberitahu itu dikira sebagai tempoh asal waktu bekerja bagi melengkapkan jumlah 48 jam.

"Kami tidak berpuashati dengan situasi ini sedangkan sebelum ini waktu bekerja kami dikira lapan jam sehari tetapi ia tiba-tiba ditukar menjadi 7.33 jam selepas penyelarasan gaji baru dilaksanakan. "Malah kami juga tidak dimaklumkan lebih awal mengenai perubahan waktu bekerja dari 44 jam kepada 48 jam," katanya.

Katanya, mogok akan terus dilakukan sehingga pihak syarikat memberi jaminan bertulis kepada setiap pekerja bahawa gaji asas mereka akan dinaikkan kepada RM900 tidak termasuk elaun atau bayaran kerja lebih masa.

"Masalah ini dikemukakan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan berharap nasib kami dibela," katanya. Selain itu, seorang pekerja warga asing, Sabir Aalam, 23, berkata, selepas penyelarasan dakwanya kekal menerima gaji asas yang sama seperti sebelumnya iaitu RM319 dan hanya menerima gaji RM900 setelah dicampur elaun dan bayaran kerja lebih masa.

"Gaji asas rakan-rakan saya yang bekerja di kilang lain su-

dah pun dinaikkan kepada RM900, malah mereka menerima gaji melebihi RM1,500 kerana terdapat bayaran kerja lebih masa. "Saya juga melakukan kerja lebih masa dalam jumlah yang sama namun hanya menerima gaji keseluruhan kira-kira RM900 kerana gaji asas tidak dinaikkan," katanya.

Dalam pada itu, wakil pengurusan kilang itu yang enggan dikenali berkata, pihak syarikat telah berusaha mematuhi arahan penyelarasan gaji minimum RM900 dengan membuat pembayaran gaji secara pukul rata (lum sum). "Pihak syarikat sudah melaksanakan penyelarasan gaji minimum sebanyak RM900 seperti diarahkan kerajaan melalui pembayaran gaji secara lum sum termasuk elaun dan bayaran lebih masa.

"Pekerja yang sudah bekerja lebih sepuluh tahun juga akan menerima penyelarasan sama kerana kami tidak dapat membuat perubahan penyelarasan dalam jumlah yang besar kerana operasi kilang yang kecil," katanya.

Sementara itu, Exco Perpaduan, Sumber Manusia, Sains Teknologi dan Inovasi Negeri, M Asojan, pihak JTK dan Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) telah ke kilang itu semalam bagi menyiasat masalah yang berlaku.

"Siasatan ini akan disambung semula esok (hari ini) sebelum laporan lengkap dan tindakan lanjut diambil bagi mengatas-



masalah ini. "Setakat ini mogok yang dilancarkan pekerja berjaya disuraukan dan mereka telah bekerja seperti biasa sejak tengah hari tadi (semalam)," katanya.

Selain itu katanya, pihak majikan dan pekerja perlu memahami mekanisme penyelarasan gaji minimum yang baru supaya masalah yang timbul tidak berlarutan..  
Sumber : [Sinar Harian, 19/2/2013, Pekerja kilang mogok kerana masalah gaji](#)



# C189 - Domestic Workers Convention, 2011

***"The reality of the vast majority of domestic workers today is simply slavery," said Sharan Burrow, ITUC General Secretary. "Trade unions, domestic workers' associations and their allies are changing this reality by demanding through the 12 by 12 campaign rights and benefits for this category of workers who are underpaid, not recognised and not respected."***

## 2012: 12 by 12 Campaign

### The '12 by 12' campaign now runs in 89 countries.

The '12 by 12' campaign continues in 2013: mobilising and organising in 2013:

- ⇒ for more countries to ratify C189 and to adopt laws which better protect domestic workers and
- ⇒ to support more and more domestic workers with building stronger unions.

**LATEST UPDATES:** In 2012 thousands of actions, meetings and events were organised by 50 countries around the world until the very last month on 12-12-12. Some of the actions around the world led to multiple results including:

- ⇒ **8 countries who ratified ILO Convention No. 189:** Uruguay – Philippines – Mauritius – Italy (officially registered at the ILO) and Nicaragua – Bolivia – Paraguay – Colombia (who finished their ratification process at national level and need to officially register at the ILO)
- ⇒ A number of **governments who improved their laws to better protect domestic workers**, including: Chile, where the working time of domestic workers was regulated by law; Spain, which granted them access to social protection; Brazil, where the constitution was amended in order to facilitate the adoption of the Convention; Singapore, which granted a day off a week to domestic workers; Vietnam, where a new Labour Code was adopted recognizing for the first time domestic work; and Malawi, where the minimum wage for domestic workers was increased.
- ⇒ **More domestic workers joined a union and new unions were established** in Paraguay, the Dominican Republic, Egypt, Angola and Sri Lanka

### Migrant domestic workers in the Gulf:

2013 started with a shock: the tragic execution in Saudi Arabia of Rizana Nafeek, a young women domestic worker from Sri Lanka who did not get a fair trial. Rizana was executed by public beheading in Saudi Arabia earlier this month, seven years after she was found guilty of murdering her Arab employer's toddler.

Rizana's defence held to the very end that the child had suffocated during a milk feed and that their client was innocent. She was executed by beheading on 9 January 2013 despite an appeal from the government of Sri Lanka. Her execution is clearly contrary to the [Convention on the Rights of the Child](#) and the [Convention against Torture](#).

### [News on C189 and national laws:](#)

- **Italy** - registered its ratification of C189 at the ILO on 22 January 2011
- **Dominican Republic** – Minister of labour supports, while employers oppose ratification of C189:
- **Philippines** – Aquino signs Kasambahay bill into law:
- **Malawi** – Government increased the daily rate of pay and C189 is now tabled for discussion at the parliament:
- **Argentina**: The Senate unanimously approved a bill on domestic workers e.g. limiting working hours, providing the right to holidays and maternity leave.
- **Germany** – The DGB reports that the Ministry of Labour started the official ratification process of C189 and do not see any obstacles for Germany to ratify. Currently the social partners and the federal ministries of labour are responding to the request to start ratification through the national parliament.
- **Guatemala** - Domestic workers union agreed with Ministry of Labour to discuss a possible ratification of C189 in February (including employers and experts of the ILO and the UN)
- **Ghana** - TUC Ghana's Seccertry General, Kofi Asamoah calls upon government on 22 January 2013 to ratify C189.
- **Portugal** – UGT reported in January that progress is being made with the ratification process of C189. It is now tabled for discussion at the parliament.

### **As at 28 February 2013**

**Malaysia** - MTUC Memorandum to Ministry of Human Resources – Unfortunately there is no new development since MTUC handed over the 4 page memorandum to the Secretary General of MOHR on 5<sup>th</sup> December 2012 urging the Government to ratify ILO Convention 189 and take immediate measures to grant legal protection to the 250,000 domestic workers in the country. A large number of domestic workers are expected to participate in the MTUC International Women's Convention to seek public support for their call to ratify Convention 189 and **accord a more humane working and living conditions**.

Reported by: Parimala N. Project Officer

MTUC/FNV Mobilising Action for the Protection of Migrant Domestic Workers  
19 Feb 2013



# Nube tuntut adik Perdana Menteri selesai isu pekerja CIMB

Kumpulan Nube berhimpun di hadapan CIMB Temerloh



Kira-kira 100 anggota National Union of Bank Employees (Nube) dari seluruh negara hari ini mengadakan perhimpunan aman di hadapan CIMB Cawangan Temerloh bagi mendesak Datuk Seri Nazir Razak menyelesaikan beberapa tuntutan mereka.

Kumpulan yang diketuai Setiausaha Agung Nube, J.Solomon yang berhimpun sekitar jam 11.45 pagi itu antara lain menuntut diberi perhatian soal gaji, kebijakan dan faedah perubatan kakitangan CIMB daripada kumpulan pengurusan diketuai oleh adik Perdana Menteri itu.

Dalam perhimpunan yang berlangsung selama 45 minit itu turut dipamerkan beberapa sepanduk yang tertera

mesej-mesej yang cuba disampaikan kepada orang ramai yang secara kebetulan berhadapan dengan Ibu Pejabat Daerah (IPD) Polis Temerloh.

Kebanyakan sepanduk tersebut ditujukan kepada pihak pengurusan CIMB terutama kepada Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Seri Nazir Tun Razak.

Antara lain kelihatan sepanduk "Abang sulung janji ditepati, adik bongsu janji dimungkiri", "Adik PM menipu pekerja", "CEO CIMB restu PMS tipu ahli" dan "PM's brother exploit workers".

J.Solomon dalam ucapannya berkata, terdapat 27 aduan yang dituntut pekerja di peringkat bawahan masih tidak dapat diselesaikan, malah tidak diendahkan oleh pengurusan CIMB.

Menurutnya, beberapa tuntutan lain termasuk bonus kakitangan bawahan gagal diselesaikan sedangkan pengurusan tertinggi menerima faedah yang melampau.

"Antara kekecewaan lain termasuklah kes seorang kakitangan yang sedang hamil empat bulan diherdik hingga pengsan kerana enggan mematuhi arahan pihak atasan," katanya.

J.Solomon berkata, mereka telah menjelajah ke seluruh Semenanjung Malaysia bermula di Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang.

Menurutnya, Temerloh adalah destinasi kedua selepas Karak dan mereka turut akan mengadakan himpunan aman selepas ini di Maran, Kuantan dan Pekan.

Sumber : Harakah Daily, 18/2/2013, Charlesector blog



## PRU-13: Peringatan MTUC kepada pekerja

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini menyeru 12 juta pekerja di negara ini supaya memberi keutamaan kepada keharmonian industri, kestabilan ekonomi dan politik serta kebijakan mereka apabila mengundi pada pilihan raya umum akan datang.

Presidennya, Khalid Atan, berkata sebagai kelompok masyarakat yang mempunyai jumlah anggota yang begitu ramai, pekerja perlu menunaikan hak mengundi masing-masing dengan penuh berhemat kerana keputusan pilihan raya mempunyai kesan yang amat besar terhadap masa depan mereka.

Bercakap kepada Bernama, beliau berkata, golongan pekerja patut diberi pujian kerana sumbangan besar mereka dalam mewujudkan suasana industri yang amat

stabil, yang sekali gus menyumbang kepada kestabilan dan kemajuan negara. Keharmonian industri yang wujud ini juga membantu menarik pelabur asing ke Malaysia, yang seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan," katanya.

Pilihan Raya Umum Ke-13 dijangka diadakan pada bila-bila masa dalam tempoh terdekat. Khalid berkata, MTUC bekerjasama rapat dengan kerajaan dan majikan dalam memelihara keamanan industri serta menyelesaikan masalah berkaitan guna tenaga secara baik.

Katanya, kepimpinan MTUC bertekad untuk meningkatkan taraf hidup pekerja dan komited sepenuhnya terhadap usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020. Khalid berkata, walaupun masih terdapat banyak isu tertangguh, namun beliau yakin segalanya akan dapat diselesaikan hasil hubungan dan kerjasama rapat yang terjalin antara MTUC, kerajaan dan majikan.

Sumber : Utusan Online, Jan 3, 2013

# Berita Dunia

## ILO says wOrLd unempLoYment figures set to rise in 2013

Unemployment is on the rise as economies around the world lose jobs and a record 202 million people could be unemployed across the world in 2013, the International Labour Organisation (ILO) has said.

Five years on from the onset of the financial crisis, the fragile recovery is threatened by "incoherent monetary policy" in the US and Europe, the ILO said, according to *The Guardian*.

According to United Nation's agency's latest report, Global Employment Trends 2013, six percent of the

world's workforce were without a job in 2012. The number of jobless people around the world rose by four million in 2012 to 197 million. Young people were the worst affected: nearly 13 percent of those under 24 were unemployed. Some 35 percent of all young unemployed people have been out of work for six months or longer in advanced economies, up from 28.5 percent in 2007.

"This is a massive waste of the lives of young people and their talents would damage the people themselves and their societies, even if stability were not to be affected," said ILO chief Guy Ryder.

Source: ILO/Pakistan news

## India, Greece dilanda mogok

NEW DELHI 20 Feb. - Berjuta-juta pekerja India mengadakan tunjuk perasaan selama dua hari secara besar-besaran di seluruh negara hari ini bagi menyatakan bantahan terhadap polisi 'antiburuh' yang diperkenalkan kerajaan.

Perkhidmatan pengangkutan dan kewangan lumpuh berikutan tunjuk perasaan oleh 11 kumpulan pekerja utama, dalam bantahan terhadap siri reformasi ekonomi pro pasaran yang diumumkan oleh kerajaan tahun lalu, termasuk kenaikan harga minyak dan inflasi di negara ini.

Perdana Menteri India, Manmohan Singh, merayu kesatuan tersebut agar tidak meneruskan tunjuk perasaan, dengan memberi amaran ia boleh menyebabkan kerugian kepada ekonomi yang sememangnya lembap sejak lebih sedekad lalu. Namun, rundingan berhubung rayuan Manmohan minggu ini gagal selepas kerajaan enggan menunaikan permintaan kesatuan untuk menarik balik reformasi, yang disasarkan untuk melonjak ekonomi serta mengalih penurunan kadar kredit India.

"Pekerja dipinggirkan sepenuhnya dan ini jelas



kelihatan dalam polisi antiburuh kerajaan India," kata Setiausaha Agung, Centre of Indian Trade Unions, Tapan Sen. Sementara itu di Athens, Greece, beribu-ribu pekerja di negara ini mengadakan tunjuk perasaan besar-besaran hari ini bagi menentang pemotongan gaji dan cukai tinggi yang dilaksanakan kerajaan.

Tunjuk perasaan tersebut menyebabkan perkhidmatan pengangkutan tergendala, sekolah-sekolah ditutup dan hanya pekerja kecemasan sahaja bertugas di hospital.

Dua kesatuan buruh terbesar Greece mengadakan bantahan selama 24 jam di negara yang hampir milis itu, yang didakwa mereka menyebabkan rakyat sengsara. Diwakili sebanyak 2.5 juta pekerja, kesatuan-kesatuan itu mengadakan tunjuk perasaan berulang kali sejak krisis hutang Eropah melanda benua itu penghujung 2009, menyukarkan matlamat kerajaan untuk melaksanakan reformasi.

"Tunjuk perasaan ini merupakan jawapan kami bagi polisi tidak berasas yang menekan kehidupan kami, menyebabkan masyarakat bertambah derita dan meletakkan ekonomi kepada krisis dan kemelesetan," kata Gabungan Kesatuan Sektor Awam Greece (GSEE), yang menganjurkan tunjuk perasaan itu bersama Gabungan Kesatuan Sektor Awam Greece (ADEDY).

- AFP/REUTERS